

Qāla Rasūlu Allāh ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam
Idhā dakhala ramadāna futiḥat abwāb al-jannah
wa ghuliqat abwābu al-nār wa sulsilat al-shayāṭīnu wayunādīyy munādī kulli laylat
yā bāghī al-khayr halum. Wa yā bāghī al-sharra qiṣrun waqāla ‘ayḍan’ inna fil jannah bābān yuqālu lahu
al-rayyān lā yadkhuluhu illā al-ṣā’imūn fā’idhā dakhalū ighliq falā yadkhuluhu ‘aḥad

Rasulullah ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam bersabda: “Apabila masuk bulan Ramadan, terbukalah pintu-pintu syurga, dan tertutuplah pintu-pintu neraka. Segala syaitan-syaitan pun dirantailah dan dibelenggu, lalu juruhebah menyeru pada tiap-tiap malam, (katanya): “Wahai orang yang mengayingini¹ kebajikan, bersegeralah kamu mengerjakannya. Dan wahai orang yang sukakan kejahatan, berhentikanlah kejahatanmu itu.”

Nabī bersabda lagi: “Bahawasanya di dalam syurga ada sebuah pintu bernama “al-Rayyān”, tiada dimasuki melainkan orang-orang yang berpuasa. Apabila mereka memasukinya tertutuplah ia, sesudah itu tiada siapa-siapa pun yang akan memasukinya lagi.”

Puasa Untuk Berbakti

Tentu kita telah mendengar berbagai macam huraian tentang hikmah puasa, terutama puasa bulan Ramadan. Semua hikmah-hikmah puasa itu adalah hasil dari penyelidikan ahli-ahli agama dalam masa memikirkan tujuan puasa yang diwajibkan oleh Allah ‘azza wa jalla. Satu tanda, bahawa Islam membukakan lapangan berfikir dengan seluas-luasnya.

Di dalam *al-Qur’ān al-Karīm* tidak diterangkan hikmah

puasa itu selain daripada supaya kita berbakti, sebagaimana dengan tegas Allah nyatakan di dalam firman-Nya:

Yā ayyuha al-ladhīna āmanū kutiba ‘alaykum al-ṣiyām kamā kutiba ‘alā al-ladhīna min qablikum la’allakum tattaqūn. Ayyāmam ma’dūdāt.... (Surah al-Baqarah, 183-184).

Ertinya: “Hai orang-orang yang beriman! Telah diwajibkan

¹ Kesalahan teks. Sepatutnya “mengingini”.

atas kamu puasa, sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu, supaya kamu berbakti iaitu beberapa hari yang ditentukan....”

Apa Dia Berbakti Itu?

Berbakti itu sangat luas ertinya. Segala golongan dan tingkatan manusia dapat melakukan bakti kepada Allah menurut kadar darjat dan kedudukan mereka, kadar tingkat pengetahuan mereka, dan sebanyak daya upaya mereka. Seperti kaum petani, kaum buruh, orang-orang besar negara, guru-guru, ahli-ahli pengetahuan, saudagar-saudagar dan lain-lainnya. Maka bakti itu tidaklah terbatas kepada rajin sembahyang sahaja, mengaji sahaja atau puasa sahaja, tetapi meliputi kewajipan yang mengenai maslahat umum, kesejahteraan anak isteri, rumah tangga, sanak saudara dan negara. Demikian huraian faḍīlah *al-Ustādh* Muḥammad Ali al-Hamidi. Lebih lanjut beliau berkata:

Bakti menurut penjelasan *al-Qur’ān*

Dalam kitab-kitab tafsir diterangkan, bahawa bakti (atau taqwa) dalam ayat *al-Qur’ān* tadi ertinya: menjaga atau memelihara diri. Maksudnya: memelihara diri dari segala maksiat, kerana puasa yang betul-betul dijalankan kerana Allah, dapat menundukkan nafsu syahwat yang menjadi punca segala kejahatan, sehingga dia (nafsu syahwat) lemah dan tidaklah dapat mendorong manusia kepada melakukan maksiat. Hal ini dijelaskan oleh junjungan kita Nabī Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam*:

Al-Ṣiyām jinnah

Ertinya: “Puasa itu pendinding.” (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dinding ertinya penghalang, penegah, pemelihara dan penjaga. Maksudnya puasa itu menjadi penjaga dari segala macam kejahatan dan maksiat.

Kalau kita pertalikan “bakti” dengan erti memelihara dengan “bakti” yang sudah kita terangkan secara am tadi, maka dapat kita mengambil kesimpulan, bahawa sempurnanya segala perbuatan, ialah disebabkan kesanggupan kita menjauhkan segala perbuatan jahat dan maksiat, yang ditimbulkan oleh dorongan nafsu syahwat. Dorongan dan ajakan nafsu syahwat, hanya dapat dilemahkan dengan puasa. Puasa itu ialah pokok kebaktian dan punca untuk memelihara diri dari perbuatan jahat, maksiat, derhaka dan mungkar.

Biarlah Puasa Kita Berkesan

Puasa itu diwajibkan atas kita kaum muslimin selama sebulan pada tiap-tiap bulan Ramadan adalah mengandungi didikan, untuk memelihara diri dari segala kejahatan, kerendahan dan kehinaan.

Kita kaum muslimin, dalam pergaulan hidup, seyogianya dapat memperlihatkan hasil dari didikan puasa itu, supaya masyarakat kita betul-betul nyata menjadi satu masyarakat yang suci, mulia dan tercermat. Supaya menjadi contoh tauladan yang baik bagi golongan lain, dan jadi penarik golongan lain memperhatikan agama Islam.

Bagi mencapai segala yang disebutkan itu, tentulah lebih dahulu kita mesti bersihkan diri kita dari segala perbuatan yang tidak patut, yang dikeji oleh agama dan oleh kesopanan. Kemudian menampakkan segala perbuatan baik pada diri kita sendiri lebih dahulu,

pada keluarga kita dan masyarakat kita. Jelasnya, “bakti” itu ialah mengerjakan perbuatan-perbuatan yang baik, yang diperintahkan oleh agama, dan menjauhkan yang dilarang-Nya.

Puasa Menjauhkan Neraka

Selain daripada itu, hikmah yang terkandung dalam ibadat puasa itu, ialah kita dididik menghormati hukum Allah, dan menjaga batas-batasnya, walaupun pada tempat yang tidak dilihat oleh manusia, atau pada tempat yang tersembunyi. Dengan membiasakan diri menjalankan hukum-hukum Allah, menjadilah kita biasa menjalankan peraturan yang baik dalam pergaulan hidup sesama manusia.

Orang yang berpuasa kerana Allah mempunyai sifat jujur dan ikhlas. Kerana kejujurannya itu, dapatlah ia menahan nafsunya: nafsu perut dan nafsu syahwat. Dapatlah dia menahan lapar dan dahaga dan daripada bercampur dengan isterinya pada siang hari, dengan keyakinan kalau dia berlaku curang di mana-mana jua pun, sudah tentu Allah akan mengetahuinya. Tentang ini, Nabī Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*

Law ‘anna ‘ahadukum ya ‘malu fī ṣakhratin ṣamā’ laysa lahā bābun walā kuwwatun lakharaja ‘amaluhu linnāsi ka ‘annā mā kāna

Ertinya: “Jikalau salah seorang kamu beramal di dalam sebuah batu besar yang tumpat, tidak ada pintu dan lubangnya, nescaya keluar juga amalnya itu, walau bagaimanapun juga keadaannya.” (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Alangkah baiknya manusia yang hidup mempunyai keyakinan, bahawa Allāh Ta’ālā sentiasa mengawasi gerak gerinya, mengetahui segala amalnya. Inilah didikan yang baik

sekali untuk menahan nafsu daripada melanggar batas, dan menjadi pendorong untuk melakukan kebaikan.

Didikan ini dinamakan sendi kebaikan atau rukun ihsan, sebagaimana yang diterangkan oleh junjungan kita Nabī Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*:

Al-‘ihsān ‘an ta’budu Llāh ka ‘annaka tarāhu fa ‘in lam takun tarāhu fa ‘innahu yarāka.

Ertinya: “Yang dinamakan kebaikan (ihsan) itu ialah engkau beribadat kepada Allah seolah-olah engkau melihat Dia, jika engkau tidak melihat Dia maka Dia melihat engkau.”

Jihad yang Besar

Menahan kemahuan hawa nafsu adalah suatu pekerjaan yang berat. Di dalam agama dinamakan: Al-Jihād al-Akbar ertinya perjuangan yang besar sekali, lebih dari jihad biasa.

Dengan berbagai cara dan siasah perang, orang dapat mengalahkan musuhnya di medan perang. Tetapi dengan alat apakah orang dapat mengalahkan musuhnya yang tersembunyi dalam dirinya? Iaitu hawa nafsu? Tidak lain melainkan dengan rukun ihsan dalam jiwanya. Kalau tidak kerana adanya rukun ihsan dalam jiwa kita, tentulah kita enggan mengerjakan puasa sebulan Ramadan ini.

Kalau kita turutkan sehari sahaja kemahuan hawa nafsu kita, tentulah kita sudah banyak melanggar batas, sudah banyak kita melakukan dosa, dan sudah banyak kita melakukan kejahatan. Apa lagi kalau dalam tempoh sebulan lamanya, tentu lebih banyak dan lebih besar lagi.

Harus oleh kerana melihat banyaknya kejahatan dan dosa yang ditimbulkan kerana menurutkan hawa nafsu itu, maka orang yang berpuasa, yang di dalamnya dapat ia menahan hawa nafsu, akan diberikan pahala yang luar biasa oleh Allāh Ta'ālā, sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabī Muḥammad *ṣallā Allāh 'alayhi wa ālihi wa sallam*:

Mā man 'abdu yaṣūmu yawman fī sabīliLlāhi Ta'ālā, 'illā ba'iduLlāh bidhalika al-yawmi wajahahu' an al-nār sab'īna kharīfan.

Ertinya: “Tidak ada seorang hamba Allah pun yang berpuasa sehari pada jalan Allah Ta'ālā melainkan dengan

hari yang satu itu Allah jauhkan mukanya dari neraka tujuh puluh tahun lamanya.”

Kalau kita puasa sehari, diri kita dijauhkan dari neraka tujuh puluh tahun lamanya. Maka hitunglah! Berapa jauh diri kita dari neraka kalau kita puasa sebulan penuh.

Mudah-mudahan puasa yang kita kerjakan kerana Allah, diterima olehnya dan diberikannya pahala yang sebaik-baiknya. *Āmīn yā Rabb al-'ālamīn.*

Fī ḥadīthi qudsiyy 'an Allāh 'azza wa jalla qāla

Kullu 'amal ibn 'Ādam lahu al-ṣawm fa innahu lī wa annanā ajzī bihi

Wa qāla ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam

Ian ṣāma ramaḍāna īmānan wa iḥtisāban ghufira lahu mā taqaddama min dhanbih

Di dalam suatu Ḥadīth qudsi, bahawa Allah 'azza wa jalla berfirman:

“Tiap-tiap amal anak Adam adalah untuknya, melainkan puasa, maka ia adalah untuk-Ku, dan aku membalas (memberi pahala) kerananya.”

Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* pula bersabda: “Barangsiapa berpuasa Ramadan, dengan hal keadaannya beriman dan mengharap Dia (menjadi bekalan untuknya di sisi Allah), akan diampunkan dosanya yang telah lalu.”